



# PROSEDUR OPERASI PIAWAI PENGURUSAN KES PENDAKAP GIGI YANG PALSU



PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
2021





# **PROSEDUR OPERASI PIAWAI PENGURUSAN KES PENDAKAP GIGI YANG PALSU**

**Program Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**2021**

Penasihat  
Dr. Fauziah binti Ahmad

Edisi Pertama 2021

@Program Kesihatan Pergigian KKM

Hak cipta terpelihara, tiada bahagian dari terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran penerbit

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam penerbitan

**PROSEDUR OPERASI PIAWAI**

**PENGURUSAN KES PENDAKAP GIGI YANG PALSU**

Editor: Dr. Fauziah binti Ahmad, Datin Dr. Nazita binti Yaacob

ISBN: 978-967-19520-0-9

1. *Orthodontic appliances*
2. *Dental instruments and apparatus*
3. *Teeth --Care and hygiene*
4. *Dentistry*
5. *Government publications--Malaysia*

I. Fauziah Ahmad, Dr. II. Nazita Yaacob, Datin Dr.

617.643

**MOH/K/GIG/3.2020(GU)**

Diterbitkan oleh,

Program Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

*Tel:* 603 - 88834215

*Faxs:* 603 - 88886133

*Email:* [ohd@moh.gov.my](mailto:ohd@moh.gov.my)

*Website:* <http://ohd.moh.gov.my>

*Facebook:* [www.facebook.com/pergigiankkm](https://www.facebook.com/pergigiankkm)

## PRAKATA



**Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Visi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah untuk memastikan pembangunan dan perkembangan sistem penjagaan kesihatan yang mampan, menerusi koordinasi bersama pelbagai pihak yang berkepentingan. Bagi membentuk sistem penjagaan kesihatan pergigian yang selamat di Malaysia, Program Kesihatan Pergigian KKM sebagai peneraju utama dalam perkhidmatan kesihatan pergigian di Malaysia, komited dalam usaha menerapkan pengetahuan, ke arah membudayakan kualiti dan keselamatan dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian menerusi pencegahan dan rawatan yang terbaik dan selamat untuk masyarakat.

Namun begitu, bidang pergigian di Malaysia sebagai sebuah profesion yang dihormati dan telah mengecapi pelbagai kemajuan sains dan teknologi sejak sekian lama, tidak terkecuali daripada menerima ancaman pengamalan pergigian haram termasuklah pengamalan pendakap gigi yang palsu. Perkhidmatan yang tidak bertauliah, tidak berkualiti dan tidak selamat ini memberi kesan buruk terhadap fizikal, emosi, fisiologi, kewangan serta menjejaskan kesihatan pesakit.

Bagi menangani peningkatan pengamal pergigian haram yang semakin berleluasa ini, Program Kesihatan Pergigian KKM telah menerbitkan Prosedur Operasi Piawai Pengurusan Kes Pendakap Gigi yang Palsu demi memastikan pengurusan kes-kes berkaitan di Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer dan Kepakaran KKM dapat diurus dengan lebih sistematik.

Adalah diingatkan bahawa pengamal pergigian memainkan peranan yang penting dalam memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan pergigian yang disampaikan sentiasa berada di tahap yang tinggi, agar setanding dengan negara-negara maju lain. Besarlah harapan saya agar Prosedur Operasi Piawai ini menjadi pegangan pengamal pergigian KKM dalam pengurusan kes pendakap gigi yang palsu agar isu ini dapat ditangani dengan baik, ke arah perkhidmatan yang berkualiti dan selamat kepada semua pesakit.

  
**DR. NOORMI BINTI OTHMAN**

## **PENDAHULUAN**

Pengamal pergigian haram menjadi duri dalam daging kepada pelaksanaan perkhidmatan kesihatan pergigian yang berkualiti dan selamat sejak dahulu lagi. Trend terkini menunjukkan terdapat peningkatan pengamal pergigian haram di dalam negara samada di bandar atau luar bandar, dan trend ini dijangka akan terus meningkat.

Pemasangan pendakap gigi yang palsu merupakan salah satu agenda terbaru dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengamal pergigian haram ini. Seperti prosedur-prosedur lain yang dijalankan oleh pengamal pergigian haram, ia bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi juga berpotensi tinggi untuk memudaratkan kesihatan mulut pesakit.

Apa yang lebih merisaukan adalah pendakap gigi ini sering dipandang sebagai satu fesyen dan digunakan untuk tujuan kecantikan<sup>1</sup> serta melambangkan kelas sosio-ekonomi yang tinggi. Hal ini merupakan suatu cabaran baharu dalam menangani isu pengamal pergigian haram. Adalah amat penting bagi semua pengamal pergigian untuk menjaga reputasi profesion pergigian daripada pengamal pergigian haram serta melindungi kepentingan rakyat dalam memastikan peningkatan status kesihatan pergigian secara keseluruhannya.

Prosedur Operasi Piawai ini diharap dapat menjadi medium yang berguna bagi pengamal pergigian berdaftar di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dalam tugasannya harian mereka, terutama dalam menguruskan kes pendakap gigi yang palsu.

| <b>KANDUNGAN</b>   |     |
|--|-----|
| <b>PRAKATA</b>   | i   |
| <b>PENDAHULUAN</b>   | ii  |
| <b>KANDUNGAN</b>   | iii |
| <b>1.0 PENGENALAN</b>  | 1   |
| 1.1 Tujuan   | 1   |
| 1.2 Konsep Pendakap Gigi Yang Palsu  | 1   |
| 1.3 Isu Pendakap Gigi Yang Palsu   | 2   |
| 1.4 Potensi Bahaya Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu  | 3   |
| <b>2.0 RASIONAL</b>  | 4   |
| <b>3.0 OBJEKTIF</b>  | 5   |
| 3.1 Objektif Umum  | 5   |
| 3.2 Objektif Khusus  | 5   |
| <b>4.0 SKOP</b>  | 5   |
| <b>5.0 PROSEDUR PENGURUSAN PESAKIT OLEH PEGAWAI PERGIGIAN DI KLINIK PERGIGIAN PRIMER BAGI PESAKIT YANG MEMAKAI PENDAKAP GIGI YANG PALSU</b>    | 5   |
| 5.1 Pendaftaran Pesakit  | 5   |
| 5.2 Pemeriksaan Pesakit  | 5   |
| 5.3 Laporan kepada Unit Pengawalkuasaan Pergigian  | 6   |
| 5.4 Rujukan kepada Pakar Ortodontik  | 6   |
| <b>6.0 PROSEDUR PENGURUSAN PESAKIT OLEH PAKAR ORTODONTIK DI KLINIK PAKAR ORTODONTIK BAGI PESAKIT YANG MENGGUNAKAN PENDAKAP GIGI YANG PALSU</b> | 7   |
| 6.1 Pendaftaran pesakit  | 7   |
| 6.2 Rujukan dari Pegawai Pergigian   | 7   |
| 6.3 Pemeriksaan Pesakit  | 7   |
| 6.4 Pengambilan Rekod Pesakit  | 7   |
| 6.5 Prosedur Nyahlekat Pendakap Gigi Yang Palsu  | 8   |
| 6.6 Rujukan Ke Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer atau Kepakaran lain dan Discaj  | 8   |

|   |                    |    |
|---|--------------------|----|
| <b>7.0</b>  | <b>RUJUKAN</b>     | 9  |
| <b>8.0</b>  | <b>LAMPIRAN</b>    | 10 |
| <b>Lampiran A:</b>  |                    | 11 |
| Carta Aliran 1: Pengurusan Pesakit oleh Pegawai Pergigian di Klinik Pergigian Primer Bagi pesakit yang Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu |                    |    |
| <b>Lampiran B:</b>  |                    | 12 |
| Borang Penerimaan Aduan (Lampiran 1)  |                    |    |
| <b>Lampiran C</b>   |                    | 13 |
| Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan/ Prosedur PER/ REFUSE/ 2016 (Lampiran 4) (AOR Form)  |                    |    |
| <b>Lampiran D</b>   |                    | 14 |
| Carta Aliran 2: Pengurusan Pesakit oleh Pakar Ortodontik di Klinik Pakar Ortodontik Bagi Pesakit yang Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu  |                    |    |
| <b>Lampiran E</b>   |                    | 15 |
| Borang Keizinan Fotografi/ Multimedia PER/ FOTO/ 2016 (Lampiran 3)  |                    |    |
| <b>Lampiran F</b>   |                    | 16 |
| Borang PGKebenaran/ TPC-OHCIS-2/ 2016 (Lampiran 12)   |                    |    |
| <b>9.0</b>  | <b>GLOSARI</b>     | 17 |
| <b>10.0</b>   | <b>PENGHARGAAN</b> | 18 |

# PROSEDUR OPERASI PIAWAI

## PENGURUSAN KES PENDAKAP GIGI YANG PALSU

### **1.0 PENGENALAN**

#### **1.1 Tujuan**

Prosedur Operasi Piawai ini disediakan bagi pengurusan kes pendakap gigi yang palsu bagi semua pengamal pergigian berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ianya dihasilkan bagi memudahkan pengamal pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia menguruskan kes-kes pendakap gigi yang palsu di peringkat primer maupun kepakaran.

#### **1.2 Konsep Pendakap Gigi Yang Palsu**

##### **1.2.1 Maksud Pendakap Gigi Yang Palsu**

Pendakap gigi yang palsu boleh ditakrifkan sebagai pendakap gigi yang menyerupai aplians tetap ortodontik yang dipasang ke atas gigi pelanggan oleh pengamal pergigian haram. Pendakap gigi yang palsu telah mengalami evolusi dari sekadar pelaksanaan sendiri ala *Do-It-Yourself* (DIY) yang boleh ditanggalkan kepada pendakap yang mempunyai *bracket*, wayar dan juga aksesori elastomerik yang dilekat pada gigi.

*Bracket* yang digunakan dalam pendakap gigi yang palsu didapati tidak mempunyai ciri-ciri khas untuk mencapai pergerakan gigi secara efisien<sup>2</sup> sepetimana yang digunakan dalam rawatan ortodontik. Walaupun *bracket* dan wayar mungkin asli, terma pendakap gigi yang palsu masih digunakan bagi menyatakan pendakap gigi ini dipasang oleh pengamal pergigian haram dan tidak berdaftar.

##### **1.2.2 Cara Pelaksanaan**

Pendakap gigi yang palsu dilaksanakan melalui:

- i. Perkhidmatan pemasangan yang dihebahkan secara terbuka melalui media sosial
- ii. Sesetengah peralatan dan bahan boleh diperolehi dengan mudah bagi pemasangan sendiri

- iii. Pembekal atau pengamal yang tidak bertauliah kebiasaannya belajar memasang pendakap gigi yang palsu dari *Youtube* dan rakan-rakan mereka<sup>3</sup>
- iv. Pembekal atau pengamal yang tidak bertauliah kebiasaannya beroperasi di hotel, rumah atau salun kecantikan
- v. Kos pendakap gigi dilihat sebagai lebih rendah. Namun, kos tersebut adalah bagi pemasangan secara *one-off*. Terdapat pembekal yang mengenakan caj bagi rawatan susulan. Jika dibandingkan, rawatan pergigian profesional kebiasaannya mengambil masa rawatan lebih kurang selama 2 tahun dan akauntabel dan komited terhadap hasil disepanjang rawatan tersebut.
- vi. Pemasaran, promosi dan gambar yang berwarna-warni secara *online* menarik minat orang ramai.

### **1.3 Isu Pendakap Gigi Yang Palsu**

#### **1.3.1 Pelanggan**

Kebanyakan pelanggan adalah terdiri daripada kalangan remaja atau belia. Sesetengah pelanggan menganggap perkhidmatan yang diberi adalah asli.

Kesedaran terhadap bahaya pendakap gigi yang palsu adalah rendah di kalangan pelajar sekolah di negara kita<sup>4</sup>. Sesetengah pula mahu memakai pendakap gigi yang palsu sebagai perkakas fesyen atau menggunakan perkhidmatan tersebut atas sebab tekanan sosial. Pelanggan tertarik dengan kos pendakap gigi tersebut yang rendah dan rawatan yang tidak melibatkan cabutan gigi.

#### **1.3.2 Trend**

Secara am, pendakap gigi yang palsu dikenali sebagai *Real Braces* atau Pendakap Gigi Tulen.

Bilangan pembekal atau pengamal yang tidak bertauliah ini semakin bertambah di dalam media sosial. Terdapat banyak iklan pendakap gigi yang palsu di media sosial dengan pelbagai reka bentuk dan warna untuk menarik minat orang awam untuk memakai pendakap gigi yang palsu ini.


Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Cawangan Perundangan dan Pengukuasaan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kes

pemakaian pendakap gigi yang palsu semakin meningkat<sup>5</sup>. Dianggarkan, masih banyak kes-kes seperti ini tidak dilaporkan.

**Jadual 1: Kes aduan berkenaan pengamal pergigian haram (2015 – 2019)**

| Tahun | Jumlah Aduan Diterima | Jumlah Pemakai Pendakap Gigi Yang Palsu Yang Berkaitan Dengan Aduan |
|-------|-----------------------|---|
| 2015  | 31                    | 2   |
| 2016  | 60                    | 12  |
| 2017  | 73                    | 51  |
| 2018  | 138                   | 76  |
| 2019  | 114                   | 62  |

**Gambar Rajah 1: Trend kes aduan berkenaan pengamal pergigian haram ( 2015 – 2019)**



## 1.4 Potensi Bahaya Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu

### 1.4.1 Penyakit Berjangkit

Pemakai pendakap gigi yang palsu berisiko mendapat serta menyebar penyakit berjangkit seperti Hepatitis dan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) melalui jangkitan silang<sup>6</sup>.

### 1.4.2 Masalah Kebersihan Mulut

Pendakap gigi yang palsu dipasang pada pelanggan atau pesakit tanpa mengambil kira status kebersihan mulut mereka terlebih dahulu. Pesakit juga tidak diberi latihan atau teknik pemberusan gigi dan tunjuk ajar untuk

memastikan kebersihan mulut mencapai tahap yang baik. Hal ini boleh menyebabkan dekalsifikasi enamel gigi, karies dan penyakit gusi.

#### **1.4.3 Masalah Kegigian**

Pemakaian pendakap gigi yang palsu mengakibatkan potensi pergerakan gigi tanpa kawalan yang boleh menyebabkan:

- i. Penyakit gusi
- ii. Penyusutan tulang alveolar
- iii. Gigi semakin longgar
- iv. Masalah maloklusi yang lebih serius.

#### **1.4.4 Potensi Terdedah Kepada Bahan Bertoksik**

Kandungan logam di dalam *bracket*<sup>7</sup> dan *arch wire* serta jenis bahan lekatan yang digunakan untuk melekatkan *bracket* pada gigi tidak diketahui tahap keselamatannya.

## **2.0 RASIONAL**

Prosedur Operasi Piawai disediakan untuk mengurus kes pendakap gigi yang palsu berdasarkan perkara berikut:

- i. Pesakit meminta nyahlekat pendakap gigi yang palsu
- ii. Pesakit mengunjungi fasiliti kesihatan pergigian di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mendapatkan rawatan akibat daripada komplikasi pemakaian pendakap gigi yang palsu
- iii. Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Cawangan Pengaruhkuasaan Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kes pemakaian pendakap gigi yang palsu semakin meningkat. Walaubagaimanapun, masih terdapat banyak lagi kes yang tidak dilaporkan.

### **3.0    OBJEKTIF**

#### **3.1    Objektif Umum**

Menyediakan satu panduan bagi menguruskan kes pendakap gigi yang palsu di fasiliti kesihatan pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **3.2    Objektif Khusus**

- i. Mewujudkan panduan pengurusan kes pendakap gigi yang palsu di Klinik Pergigian Primer
- ii. Mewujudkan panduan pengurusan kes pendakap gigi yang palsu di Klinik Pakar Ortodontik
- iii. Menyediakan panduan dalam memberi khidmat nasihat kepada pesakit yang ingin melaporkan kes pendakap gigi yang palsu kepada Unit Penguatkuasaan Pergigian Jabatan Kesihatan Negeri.

### **4.0    SKOP**

Panduan ini digunakan bagi fasiliti kesihatan pergigian KKM yang memberi Perkhidmatan Pergigian Primer dan Kepakaran Ortodontik.

### **5.0    PROSEDUR PENGURUSAN PESAKIT OLEH PEGAWAI PERGIGIAN DI KLINIK PERGIGIAN PRIMER BAGI PESAKIT YANG MEMAKAI PENDAKAP GIGI YANG PALSU**

Carta aliran bagi pengurusan pesakit yang menggunakan pendakap gigi yang palsu oleh Pegawai Pergigian di Klinik Pergigian Primer adalah seperti **Lampiran A**.

#### **5.1    Pendaftaran Pesakit**

Pesakit didaftar mengikut prosedur sedia ada.

#### **5.2    Pemeriksaan Pesakit**

- i. Aduan pesakit dan riwayat aduan diambil
- ii. Pemeriksaan klinikal dan penyiasatan lanjut dijalankan mengikut keperluan

- iii. Kesahihan kes pendakap gigi yang palsu dikenal pasti
- iv. Pesakit dinasihatkan untuk membuat laporan ke Unit Penguatkuasaan Pergigian di Jabatan Kesihatan Negeri.
- v. Pesakit perlu diberi penjelasan, sekiranya aduan dibuat kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, tuntutan terhadap apa-apa perjanjian antara pesakit dan pemberi perkhidmatan (*illegal practitioner*) tidak akan memihak kepada pemberi perkhidmatan kerana mereka merupakan pengamal tidak berdaftar.

### **5.3 Laporan kepada Unit Penguatkuasaan Pergigian**

- i. Sekiranya pesakit **bersetuju** membuat laporan, pesakit perlu mengisi Borang Penerimaan Aduan (Lampiran 1) seperti **Lampiran B**. Hanya Bahagian A yang perlu diisi oleh pesakit
- ii. Borang dihantar melalui Pegawai Pergigian ke Unit Penguatkuasaan Pergigian di Jabatan Kesihatan Negeri dengan **SEGERA** di dalam sampul bertanda **SULIT**
- iii. Pegawai Pergigian perlu memaklumkan kepada pesakit bahawa pesakit akan dihubungi oleh pegawai dari Unit Penguatkuasaan Pergigian untuk tindakan susulan
- iv. Sekiranya pesakit **tidak bersetuju** membuat laporan, terus ke langkah seterusnya (rujuk Lampiran A).

### **5.4 Rujukan kepada Pakar Ortodontik**

- i. Semua pesakit yang memakai pendakap gigi yang palsu perlu dinasihatkan untuk nyahlekat pendakap gigi yang palsu di Klinik Pakar Ortodontik yang berdekatan
- ii. Sekiranya pesakit **bersetuju**, Pegawai Pergigian perlu:
  - a. Membuat surat rujukan dan mendapatkan janji temu dari Klinik Pakar Ortodontik
  - b. Menyatakan di dalam surat rujukan samada pesakit telah mengisi Borang Penerimaan Aduan (Lampiran 1) atau tidak
  - c. Memberi rawatan kecemasan yang bersangkutan dengan aduan pesakit serta rawatan kecemasan lain yang difikirkan perlu dengan persetujuan pesakit

- d. Memberi nasihat kepada pesakit untuk hadir ke janji temu di Klinik Pakar Ortodontik.
- iii. Sekiranya pesakit **tidak bersetuju** untuk nyahlekat pendakap gigi palsu, Pegawai Pergigian perlu:
  - a. Memberi rawatan kecemasan sahaja
  - b. Menasihatkan pesakit tentang bahaya pendakap gigi yang palsu jika dibiarkan dan tidak dinyahlekat
  - c. Meminta pesakit mengisi Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan/ Prosedur PER/REFUSE/2016 (Lampiran 4) (AOR Form) seperti **Lampiran C**.

## **6.0 PROSEDUR PENGURUSAN PESAKIT OLEH PAKAR ORTODONTIK DI KLINIK PAKAR ORTODONTIK BAGI PESAKIT YANG MENGGUNAKAN PENDAKAP GIGI YANG PALSU**

Carta aliran bagi pengurusan di Klinik Pakar Ortodontik bagi pesakit yang menggunakan pendakap gigi yang palsu adalah seperti **Lampiran D**

### **6.1 Pendaftaran Pesakit**

Pesakit didaftar mengikut prosedur sedia ada.

### **6.2 Rujukan dari Pegawai Pergigian**

- i. Surat rujukan dari Pegawai Pergigian diterima
- ii. Kenal pasti maklumat dari surat rujukan sama ada pesakit telah membuat aduan ke Unit Penguatkuasaan Pergigian di Jabatan Kesihatan Negeri

### **6.3 Pemeriksaan Pesakit**

- i. Aduan pesakit dan riwayat aduan diambil
- ii. Pemeriksaan klinikal dan penyiasatan lanjut dijalankan mengikut keperluan
- iii. Kesahihan pendakap gigi yang palsu dikenal pasti.

#### **6.4 Pengambilan Rekod Pesakit**

- i. Rekod yang lengkap diambil untuk tujuan *medico-legal*
- ii. Sebelum nyahlekat pendakap gigi palsu, Pakar Ortodontik perlu mengambil rekod seperti:
  - a. Foto *intraoral*
  - b. Radiograf (jika perlu)
- iii. Dalam kes tertentu, Pakar Ortodontik perlu mengambil foto selepas nyahlekat pendakap gigi palsu. Contoh: terdapat dekalsifikasi enamel
- iv. Pesakit dimaklumkan tujuan rekod diambil
- v. Borang Keizinan Fotografi/Multimedia PER/FOTO/2016 (Lampiran 3) seperti **Lampiran E** perlu diisi sebelum pengambilan foto *intraoral* pesakit
- vi. Semua rekod yang diambil perlu disimpan di tempat yang telah ditetapkan.

#### **6.5 Prosedur Nyahlekat Pendakap Gigi Yang Palsu**

- i. Bagi pesakit yang telah membuat aduan ke Unit Penguatkuasaan Pergigian di Jabatan Kesihatan Negeri, Pakar Ortodontik perlu memastikan bahawa pesakit telah dihubungi oleh pegawai dari Unit Penguatkuasaan Pergigian sebelum menyahlekat pendakap gigi yang palsu. Hubungi Unit Penguatkuasaan Pergigian untuk kepastian atau perbincangan (jika perlu)
- ii. Pesakit perlu memberi kebenaran untuk nyahlekat pendakap gigi palsu dengan menandatangani Borang PGKebenaran/TPC-OHCIS-2/2016 (Lampiran 12) seperti **Lampiran F**
- iii. Alat pemegang tidak perlu diberikan kepada pesakit selepas nyahlekat pendakap gigi palsu.

#### **6.6 Rujukan Ke Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer atau Kepakaran Iain dan Discaj**

- i. Pesakit perlu dirujuk ke Perkhidmatan Kesihatan Pergigian primer atau kepakaran berkaitan jika memerlukan rawatan pergigian lain
- ii. Pesakit didiscaj dari Unit Kepakaran Ortodontik selepas nyahlekat pendakap gigi palsu dan tiada janji temususulan diberikan.

## **7.0 RUJUKAN**

1. AR Ishak. (2018). Combating illegal dentistry. MDA News. MDA Publications. 30-6
2. SH. Nasir, N Abu Bakar, R Samad (2018). Element And Microstructural Analysis Of Fake, Real And Standard Orthodontic Brackets. *Journal of Physics:Conference Series*. 1073 052002
3. Bride-to-be fined RM25,000 for providing unregistered dental brace fitting service | New Straits Times | Malaysia General Business Sports and Lifestyle News.(n.d.).Retrieved July 29, 2017, from  
<https://www.nst.com.my/news/2016/09/171274/bride-be-fined-rm25000-providing-unregistered-dental-brace-fitting-service>
4. DMS. Kamaruzaman, SC. Chiew, MA. Bujang, YR. Pang, JQW. Low, R. Mat Shafie. (2019). Fake Braces Cases Among Teenagers In Manjung, Perak. *Perak Medical Journal*. Perak Research Journal. Vol 1 No. 2
5. Laporan Tahunan Cawangan perundangan dan Penguatkuasaan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2019
6. Beware of illegal orthodontists - Nation | The Star Online. (n.d.). Retrieved March 24, 2018, from  
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/09/08/beware-of-illegal-orthodontists-those-who-go-to-unqualified-people-at-risk-of-being-infected-with-hi/>
7. Wipatayotin A. Doctors warn fashionable dental braces can kill. Bangkok Post [Serial Online] 2018. Available from  
<https://www.bangkokpost.com/news/general/1393582/doctors-warn-fashionable-dental-braces-can-kill>. Accessed in 2018 (Jul 23)

## **8.0 LAMPIRAN**

Lampiran A : Carta Aliran 1: Pengurusan Pesakit oleh Pegawai Pergigian di Klinik Pergigian Primer Bagi pesakit yang Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu

Lampiran B : Borang Penerimaan Aduan (Lampiran 1)


Lampiran C : Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan/ Prosedur PER/REFUSE/2016 (Lampiran 4) (AOR Form)

Lampiran D : Carta Aliran 2: Pengurusan Pesakit oleh Pakar Ortodontik di Klinik Pakar Ortodontik Bagi Pesakit yang Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu

Lampiran E : Borang Keizinan Fotografi/ Multimedia PER/ FOTO/ 2016 (Lampiran 3)

Lampiran F : Borang PGKebenaran/ TPC-OHCIS-2/ 2016 (Lampiran 12)

**Carta Aliran 1: Pengurusan Pesakit oleh Pegawai Pergigian di Klinik Pergigian Primer Bagi Pesakit Yang Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu**



## Lampiran B

### Borang Penerimaan Aduan (Lampiran 1)

No. Daftar Aduan :

|  |  |   |   |
|--|--|---|---|
| CARA ADUAN :   | <input type="checkbox"/> Pengadu Hadir | <input type="checkbox"/> Telefon/e-mel/ Surat dll | <input type="checkbox"/> Informasi (terus ke bhg B) |
| <b>A. MAKLUMAT MENGENAI PENGADU</b>  |  |   |   |
| Nama :   |  |   |   |
| Jantina :  | Umur :                                 |   |   |
| Alamat :   |  |   |   |
| No. KPPN :   |  |   |   |
| No. Telefon :  | (Pej)                                  | (R)   | (H/P)   |
| Emel :   |  |   |   |
| <b>B. MAKLUMAT MENGENAI ADUAN</b>  |  |   |   |
| Tarikh & Masa Aduan Diterima :   |  |   |   |
| Nama Pengamal yang disyaki :   |  |   |   |
| Alamat Premis/ Organisasi Yang Diadu :   |  |   |   |
| Tajuk Aduan :  |  |   |   |
| <b>C. BUTIRAN ADUAN (apa berlaku, di mana, bila, siapa terlibat) - Gunakan lampiran jika perlu</b> |  |   |   |
| .....<br>.....<br>.....<br>.....<br>.....<br>.....<br>.....<br>.....                               |  |   |   |
| <b>D. ULASAN PA/ TP(CPP)/ TPKN(G) (Sila tandakan ✓ di kotak berkenaan)</b>                         |  |   |   |
| <input type="checkbox"/>   | Tindakan MPM                           |   |   |
| <input type="checkbox"/>   | Tindakan UPP                           |   |   |
| <input type="checkbox"/>   | Siasatan awal                          |   |   |
| .....<br><br>(Tandatangan & Cop)   |  |   |   |

## Lampiran C

### Surat Akuan Tidak Setuju Rawatan/ Prosedur PER/ REFUSE/ 2016 (Lampiran 4) (AOR Form)

#### Lampiran 4



HOSPITAL \_\_\_\_\_

#### SURAT AKUAN TIDAK SETUJU RAWATAN/PROSEDUR

PER/REFUSE/2016

Saya, \_\_\_\_\_ No. KP/ID \_\_\_\_\_  
adalah \*pesakit sendiri/ibu/bapa/suami/isteri/anak/penjaga/saudara kepada pesakit,  
\_\_\_\_\_  
tidak bersetuju menerima rawatan/prosedur \_\_\_\_\_  
ke atas \*saya/pesakit. Saya mengakui bahawa saya telah dimaklumkan dengan terperinci mengenai  
rawatan/prosedur tersebut termasuklah keperluan dan kebaikannya.

Saya juga telah dimaklumkan dan memahami risiko-risiko yang boleh dihadapi jika rawatan/  
prosedur ini tidak dilakukan.

Saya mengaku bahawa keputusan ini adalah di atas kerefaan diri saya sendiri. Saya akan  
bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kemungkinan akibat tindakan saya ini.

Saya mengakujanji tidak akan mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap pihak  
hospital atau mana-mana pihak lain yang berkenaan sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak  
diligni akibat daripada keputusan saya ini.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
(\*Peso/ibu/bapa/soeur/ster/anak/penjaga/saudara,  
nyonya/putera/puteri) \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

Tandatangan penterjemah: \_\_\_\_\_  
(jika ada)  
Nama Penterjemah: \_\_\_\_\_  
No. KP/ID : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Bahasa yang digunakan: \_\_\_\_\_


Tandatangan Doktor : \_\_\_\_\_  
Nama Doktor : \_\_\_\_\_  
No. MPM : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cap Jawatan : \_\_\_\_\_

Tandatangan saksi : \_\_\_\_\_  
Nama saksi : \_\_\_\_\_  
No. KP/ID : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

\*Potong yang tidak berkenaan

m/s 1/1

**Carta Aliran 2: Pengurusan Pesakit oleh Pakar Ortodontik di Klinik Pakar Ortodontik Bagi Pesakit yang Memakai Pendakap Gigi Yang Palsu**



## Lampiran E

### Borang Keizinan Fotografi/ Multimedia PER/ FOTO/ 2016 (Lampiran 3)



HOSPITAL \_\_\_\_\_

#### BORANG KEIZINAN FOTOGRAFI/MULTIMEDIA

PER/PHOTO/2016

Nama pesakit : \_\_\_\_\_  
No. KP/ID : \_\_\_\_\_  
MRN : \_\_\_\_\_

Ditandakan dalam gambarajah di bawah, bahagian badan yang akan dirakam imejnya (jika berkenaan):



Depan

Belakang

Bahagian badan dalam perkataan:

- (1) \_\_\_\_\_  
(2) \_\_\_\_\_  
(3) \_\_\_\_\_  
(4) \_\_\_\_\_  
(5) \_\_\_\_\_

Saya, \*pesakit sendiri/ibu/bapa/penjaga/suami/isteri/saudara kepada pesakit yang namanya tertera di atas, dengan ini bersetuju dan memberi keizinan untuk \*fotografi/rakaman multimedia diambil ke atas \*saya/pesakit, seperti yang ditandakan di atas, bagi tujuan diagnosa, perawatan, pembelajaran, akademik dan penyelidikan sahaja. Rakaman ini tidak akan diterbitkan bagi tujuan komersial atau peribadi. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dan memberi kebenaran untuk rakaman ini digunakan bagi promosi kesihatan atau pembelajaran. Saya difahamkan bahawa kerahsiaan dan kehormatan diri \*saya/pesakit akan dilindungi sebaik mungkin.

#### Penterjemah (jika ada):

Tandatangan \*pesakit/pemberi izin : \_\_\_\_\_  
Nama pemberi izin : \_\_\_\_\_  
Hubungan dengan pesakit: \_\_\_\_\_  
No. KP/ID pemberi izin : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No. KP/ID : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Bahasa yang digunakan: \_\_\_\_\_

#### Pemohon:

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
No. KP/ID : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

#### Saksi:

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
No. KP/ID : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

\*Potong yang tidak berkenaan

m/s 1/1

## Lampiran F

### Borang PGKebenaran/ TPC-OHCIS-2/ 2016 (Lampiran 12)

Lampiran 12

PGKebenaran/TPC-OHCIS-2/2016

#### KEBENARAN UNTUK RAWATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Saya ..... No.MyKad/Pasport\*  
*(Seperti dalam kad pengenalan)*

mengesahkan saya/anak saya/anak di bawah jagaan saya\* .....  
*(Nama anak/anak dibawah jagaan)*

No.MyKid/MyKad/Pasport\* ..... telah menjalani pemeriksaan pergigian.  
*(Anak/anak dibawah jagaan)*

Saya telah diberi penerangan berkaitan tujuan dan risiko rawatan pergigian serta memahami penerangan berkaitan dengan rawatan yang akan dijalankan.

Dengan ini, saya memberi kebenaran ke atas rawatan pergigian berikut:

|  |                           |
|--|---------------------------|
| <u><b>Sendiri/IbuBapa/Penjaga*</b></u> | <u><b>Saksi</b></u>       |
| Tandatangan : .....                    | Tandatangan: .....        |
| Nama : .....                           | Nama: .....               |
| No. MyKad/Pasport*: .....              | No. MyKad/Pasport*: ..... |
| Tarikh:                                | Tarikh:                   |

\* Potong mana yang tidak berkenaan

## **9.0 GLOSARI**

- PP Pegawai Pergigian
- PPP Pembantu Pembedahan Pergigian
- PO Pakar Ortodontik
- JPO Juruterapi Pergigian Pos Basik Ortodontik
- JKN Jabatan Kesihatan Negeri

## **10.0 PENGHARGAAN**

### **Jawatankuasa Kerja:**

- |   |  |
|---|--|
| i. Dr. Loke Shuet Toh<br>Pakar Perunding Kanan<br>Ortodontik  | vii. Dr. Tan Siew Cheh<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Port Dickson<br>Negeri Sembilan                                      |
| ii. Dr. Hjh Rashidah binti Hj Dato'<br>Burhanuddin<br>Pakar Perunding Kanan<br>Ortodontik                 | viii. Dr. Wan Salbiah binti Wan Abdul<br>Razak<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Kuala Lumpur<br>WPKL & Putrajaya             |
| iii. Dr. Ruslan bin Dato' Sulaiman<br>Pakar Perunding Kanan<br>Ortodontik                                 |  |
| iv. Dr. Saravanan Alagu<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Ortodontik<br>KP Mak Mandin<br>Pulau Pinang           | <b>Editor:</b>   |
| v. Dr. Nora Rizka binti Mohammad<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Ortodontik<br>KP Setapak<br>WPKL & Putrajaya | i. Dr. Fauziah binti Ahmad<br>ii. Datin Dr. Nazita binti Yaacob<br>iii. Dr. Muhamad Faris bin<br>Muhamad Noor<br>iv. Pn. Azirah binti Muhammad |
| vi. Dr. Juhaida binti Salleh<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Ortodontik<br>KP Senawang<br>Negeri Sembilan     |  |

ISBN 978-967-19520-0-9



9 7 8 9 6 7 1 9 5 2 0 0 9